

PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBANGUNAN KURIKULUM • CENTRE FOR TEACHING AND CURRICULUM DEVELOPMENT

Rujukan: UKM.PTP. 100-1/3/1
Tarikh : 15 April 2022

PEKELILING PENGAJARAN-UKM BIL. 3/2022

**SEMUA WARGA AKADEMIK
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof./Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMERKASAAN PENGURUSAN PEPERIKSAAN DALAM TALIAN UKM

Dengan segala hormatnya, merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM) melalui Jawatankuasa Peperiksaan dalam Talian telah bersetuju untuk mewajibkan pelaksanaan beberapa tetapan baru di dalam UKMFolio™ bagi memperkasakan pengurusan peperiksaan dalam talian (PdT). Untuk makluman YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan, pelaksanaan tetapan ini akan berkuat kuasa bermula April 2022.

3. Berikut di bawah adalah tetapan yang **WAJIB** dilaksanakan oleh sekretariat peperiksaan/pensyarah/penyelaras kursus sebelum sebarang peperiksaan dalam talian (PdT) dilaksanakan:

I. PDT menggunakan fitur kuiz

- a. Pensyarah hanya boleh memasukkan maksimum TIGA (3) fitur kuiz bagi soalan peperiksaan pertengahan dan akhir dalam satu kursus, tanpa mengira bilangan set/ pelajar berdaftar dalam kursus tersebut.
- b. Pensyarah digalakkan untuk menggabungkan soalan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris jika soalan kertas peperiksaan adalah dwi-bahasa.

II. Kemas kini foto dalam *profile* akaun UKMFolio™.

- a. Semua pensyarah diminta memaklumkan kepada semua pelajar bahawa pelajar **wajib** mengemas kini akaun UKMFolio™ masing-masing dengan memuat naik foto terbaru di dalam Sistem UKMFolio™.

PUSAT PENGAJARAN & PEMBANGUNAN KURIKULUM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4299 Faks: +603-8926 4816 E-mel: pghppt@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ctlt

- b. Langkah memuat naik foto di dalam UKMFolio™.
 - i. Login dalam UKMFolio™.
 - ii. Di bahagian nama masing-masing yang terletak di atas sebelah kanan paparan UKMFolio™, klik nama masing-masing dan pilih *Preferences*.
 - iii. Di bahagian *User account*, klik *Edit profile*.
 - iv. Di bahagian *User picture*, muat naik **gambar pasport terkini**. Pastikan gambar yang dipilih dalam bentuk file imej seperti .gif, .jpe, .jpg, .jpeg, dan .png.
 - v. Kemudian klik *Update profile*.
- c. Semua aktiviti kuiz di bahagian *Edit settings*, pensyarah/penyelaras kursus wajib memilih submenu ‘*Show the user’s picture*’ dan pilih ‘*Large image*’ di bahagian ‘*Appearance*’.
- d. Sekretariat peperiksaan dalam talian akan menyemak fitur ini untuk memastikan foto pelajar dipaparkan di ruang jawapan kertas soalan peperiksaan akhir semasa pelajar menjawab soalan kuiz. Ia bertujuan memaparkan kepada pelajar bahawa akaun yang digunakan dalam peperiksaan adalah akaun pelajar sendiri.

Sekian, segala perhatian dan kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Yang benar,

PROF. IR. DR. AHMAD KAMAL ARIFFIN MOHD IHSAN
Pengarah

- s.k. - YBhg. Prof. Dr. Mohammad Kassim
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia
- YBrs. Prof. Madya Dr. Rozilawati Razali
Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia
- En. Muhamad Walid Osman
Timbalan Pendaftar
Pusat Pengurusan Akademik (Akademik UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia

AKA/dhb;Pekeliling3/2022

PUSAT PENGAJARAN & PEMBANGUNAN KURIKULUM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4299 Faks: +603-8926 4816 E-mel: pgppptp@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ctlt